

**Ketua, Timbalan Dan Naib Di Tiga Bahagian MIC Di Kelantan Kekal Jawatan Bernama
27 Sept, 2013**

KOTA BAHARU, 27 Sept (Bernama) -- Penyandang ketua MIC bahagian Kuala Krai, Kota Baharu dan Tanah Merah mengekalkan jawatan masing-masing pada pemilihan parti bulan depan, kata Pengerusi MIC Kelantan M. Kupusamy.

Beliau berkata jawatan lain yang penyandangnya menang tanpa bertanding di ketiga-tiga bahagian itu ialah timbalan ketua bahagian dan naib ketua bahagian.

"Kesemua mereka mengekalkan jawatan masing-masing apabila tiada calon lain menyerahkan borang pencalonan di Pejabat MIC Kuala Krai bagi tempoh pencalonan dibuka dari jam 4 petang hingga 6 petang hari ini," katanya kepada Bernama ketika dihubungi malam ini.

Di Kelantan, hanya terdapat tiga bahagian MIC berkenaan dengan keanggotaan 3,500 orang.

Kupusamy berkata beliau mengekalkan jawatan ketua MIC Kuala Krai diikuti P.Ayasamy (Timbalan) dan P.Kerishnan (Naib).

P.V.Veloo mengekalkan jawatan ketua MIC Kota Baharu diikuti K.Chandran (Timbalan) dan P. Muniandy (Naib).

G. Pallikodathan kekal jawatan ketua MIC Tanah Merah, S.Ganasekharan (Timbalan) dan D.Jayaprakasam (Naib).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=981250>